

PEMINJAMAN KATA BAHASA INGGERIS DALAM PERISTILAHAN UNDANG-UNDANG BAHASA MELAYU

Puteri Roslina Abdul Wahid

PENDAHULUAN

Bahasa sebagai unsur budaya mempunyai ciri kedinamikannya tersendiri. Bahasa dapat dipupuk serta dibina untuk terus berkembang, tetapi sebaliknya tidak mustahil juga bahasa itu akan mati jika tidak ada masyarakat penuturnya. Dalam perkembangannya, sesuatu bahasa akan bertembung dengan bahasa yang lain, apabila berlakunya pertembungan budaya atau kontak budaya sesuatu bangsa, sama ada sebagai pemberi atau penerima. Dalam menempuh evolusi yang sedemikian sesuatu bahasa tidak dapat lari daripada pengaruh inovasi dan khususnya bahasa Melayu, kita dapati terdapat kepelbagaian dan beberapa gangguan baik dari segi fonologi, tatabahasa atau leksikal.

Sudah berabad-abad bahasa Melayu mengalami proses peminjaman atau penyerapan atau pengambilan kata daripada pelbagai bahasa di dunia seperti bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, Jerman dan sebagainya yang terbatas penggunaannya dalam bidang sains dan teknologi. Manakala dalam bidang falsafah dan pemikiran yang bercorak serantau, kita dapati banyak bahasa serantau pula yang memenuhi perbendaharaan kata bahasa Melayu seperti Jawa, Sunda, Iban, Mandiling dan dialek-dialek di Semenanjung Tanah Melayu.

Sekurang-kurangnya terdapat tiga pengaruh besar ke atas bahasa Melayu, iaitu Hindu, Islam dan Barat. Pengaruh Hindu dan Islam menyerap masuk melalui penyebaran agama, manakala Barat pula menyerap masuk melalui penjajahan. Pengaruh Barat paling berkesan dalam mempengaruhi corak kehidupan masyarakat Melayu, khususnya yang berkaitan dengan konsep baru dalam bidang sains dan teknologi. Kedatangan Inggeris membawa arus perubahan yang besar dengan keterlibatan mereka dalam senario politik dan ekonomi

masyarakat Melayu sebagai penjajah yang membawa masuk keseluruhan pengaruh budaya dan bahasanya.

PEMINJAMAN DARI ASPEK LINGUISTIK

Secara umumnya terdapat banyak sarjana yang telah membuat kajian tentang peminjaman. Antara yang terkenal ialah Haugen, Weinreich, Hakam Ringbom, Bloomfield, Sapir dan lain-lain.

Tokoh bahasa dari Indonesia, Harimurti (1983:123) mendefinisikan peminjaman sebagai “pemasukan unsur fonologi, gramatikal atau leksikal dalam bahasa atau dialek lain kerana kontak atau peniruan: hasil proses itu disebut peminjaman (*borrowing*). Heah (1989:8) pula mendefinisikan peminjaman sebagai “proses pengambilan dan penggunaan unsur-unsur daripada satu bahasa yang lain dalam konteks yang lain”.

Peminjaman berlaku hasil daripada pertembungan bahasa atau kontak bahasa. Pertembungan bahasa dianggap oleh setengah-setengah ahli antropologi sebagai satu aspek dalam pertembungan budaya dan peminjaman merupakan contoh penyerapan budaya yakni penyebaran satu butiran budaya daripada seorang kepada yang lain. Sapir (1921) mengatakan walau apa pun darjah atau ciri perhubungan antara kumpulan budaya, keadaan ini sudah cukup menyebabkan bahasa itu pengaruh-mempengaruhi. Menurut beliau (1921:193), *the simplest kind of language that one language may exert on another is the borrowing of words*.

Tokoh yang tidak asing lagi dalam bidang linguistik iaitu, Bloomfield (1933:444) membahagikan peminjaman kepada peminjaman budaya, peminjaman *intimate*, dan peminjaman dialek. Peminjaman budaya berlaku apabila sempadan setiap komuniti bahasa berhubungan dengan sempadan geografi dan politik. Peminjaman ini dianggap *intimate* apabila kedua-dua bahasa yang terlibat digunakan dalam domain politik yang sama. Peminjaman dialek merupakan lebih umum kerana anggota-anggota daripada masyarakat yang berbeza berhubung antara satu sama lain.

Lehman (1926:216) mendefinisikan peminjaman sebagai peristiwa difusi dan akulturasi budaya. Weinreich (1923:11) menegaskan peminjaman merupakan interference in language manakala gangguan merupakan interference in speech. Jelasnya, peminjaman merupakan unsur biasa yang berlaku pada mana-mana bahasa yang hidup dan berkembang di dunia ini.

PEMINJAMAN KATA DALAM PERISTILAHAN BAHASA MELAYU

Bidang peristilahan merupakan salah satu bidang yang paling banyak mengumpulkan kosa kata pinjaman dalam bahasa Melayu. Peminjaman kata bukanlah perkara baru dalam kerja peristilahan. Menurut Ismail Dahaman (1922:26), istilah baru yang dibentuk melalui peminjaman kata dilakukan atas kesedaran hendak memodenkan bahasa Melayu. Pengambilan kata atau istilah pinjaman hendaklah berlaku menurut dasar bentuk standard sistem tertentu dan bukanlah atas dasar ucapan istilah asing. Istilah asing yang hendak diambil hendaklah sedapat mungkin diambil bentuk Romawi - Yunani atau bentuk istilah antarabangsa, dan disesuaikan dengan sistem ejaan bahasa Melayu, supaya istilah ilmu/ilmiah itu memperlihatkan etimologinya.

Dalam proses pembentukan istilah, terdapat beberapa pemikiran yang lahir di kalangan penciptanya. Pemikiran ini membuahkan sikap masing-masing dalam menangani masalah peristilahan. Terdapat tiga golongan yang dapat diperhatikan, iaitu golongan bersifat konservatif atau tulen, golongan progresif atau revolusioner, dan akhirnya golongan sederhana.

Golongan tulen berpendapat bahawa bahasa Melayu mestilah mengandungi hanya perkataan-perkataan Melayu sahaja. Mereka melihat penerapan dan perubahan itu dengan penuh kekecohan, kebencian, dan kadangkala keterlaluan. Golongan ini tidak menerima istilah "basikal" sebaliknya menerima "kereta lereng", atau istilah "tabib" digunakan untuk menggantikan "dokter" sungguhpun istilah "tabib" itu bukanlah perkataan Melayu tulen.

Golongan kedua pula merupakan golongan yang progresif yang bergerak ke hadapan dengan matlamat untuk menjadikan bahasa Melayu lebih moden. Golongan ini berlatarbelakangkan sepenuhnya pendidikan Inggeris atau Arab. Mereka dengan mudah sahaja menerima semua unsur asing ke dalam bahasa Melayu dengan alasan bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu. Golongan ini beranggapan tindakan mereka itu sangat praktis dan revolusioner demi kepentingan kemajuan ilmu. Golongan inilah yang akan menyebabkan bahasa Melayu dicemari dengan unsur asing.

Akhirnya golongan ketiga, yang agak matang, bertindak secara sederhana; di samping melihat “ke luar” mereka tetap meneliti “ke dalam”. Golongan ini biasanya berpendidikan dwibahasa sama ada bahasa Melayu-Inggeris atau bahasa Melayu-Arab. Menurut Asmah (1985), golongan ini menterjemahkan istilah dalam bahasa Melayu setelah dikaji dengan teliti (iaitu melihat ke dalam), golongan ini “menganakangkatkan” istilah asing itu, “dibajumelayukan” istilah asing itu dan dianggap sebagai “anak Melayu”.

PELAKSANAAN DASAR BAHASA KEBANGSAAN DALAM BIDANG UNDANG-UNDANG

Pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan dalam bidang undang-undang berkait rapat dengan penggunaan bahasa Melayu dalam penggubalan undang-undang. Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara bertanggungjawab bagi penggubalan rang undang-undang kerajaan persekutuan untuk dibentangkan di Parlimen serta penggubalan perundangan subsidiari di bawah Akta-Akta Parlimen. Sejak 1 September 1967, teks undang-undang digubal serentak dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menurut Seksyen 6 ABK 1963/67.

Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang perundangan agak terhambat kerana masalah istilah teknikal yang sukar untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Peristilahan undang-undang dalam bahasa Melayu dapat dilihat dengan usaha pelaksanaan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan undang-undang. Pada mulanya satu unit terjemahan ditubuhkan pada 1 April 1964 yang ditugaskan

melaksanakan penggunaan bahasa Melayu (Peguamcara Negara Malaysia : 6). Unit ini berfungsi sebagai badan penterjemah undang-undang dan borang-borang yang berkaitan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah-perintah, dan perjanjian antarabangsa. Kemudian unit ini berubah nama kepada Seksyen Bahasa Kebangsaan yang mempunyai tugas yang utama, iaitu penggubalan rang undang-undang dan perundangan subsidiari dalam teks bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan serentak menurut Seksyen 6 ABK 1963/67.

Usaha selanjutnya ialah penubuhan Biro Terjemahan Mahkamah Agung pada Ogos 1984 yang ditugaskan untuk menterjemahkan alasan penghakiman Mahkamah Agung daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Perubahan besar ialah sistem panggilan apabila pada 13 September 1984, dikehendaki semua peguam dalam segala perbicaraan menghentikan penggunaan *My Lord* dan *Your Honour* dan digantikan dengan panggilan dalam bahasa Melayu, iaitu Yang Arif, Tuan/Puan Majistret, Yang Amat Arif Ketua Hakim dan sebagainya.

PERKEMBANGAN PERISTILAHAN UNDANG-UNDANG BAHASA MELAYU

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa undang-undang telah dimulakan semenjak wujudnya sistem keadilan di Melaka 600 tahun yang silam. Buktinya semua undang-undang ditulis dalam bahasa Melayu kerana bahasa Melayu telah digunakan sebagai wahana sastera tradisional yang membicarakan undang-undang misalnya, Undang-Undang Tanah di Melaka. Namun demikian akibat arus penjajahan maka keadaan turut berubah.

Dewan Bahasa dan Pustaka menubuhkan Jawatankuasa Istilah Undang-Undang pada Disember 1963. Tujuan utamanya ialah untuk mengumpul dan membentuk istilah undang-undang dalam bahasa Melayu. Sehingga 1989, terdapat empat buku, iaitu Istilah Undang-Undang 1970 yang mengandungi 1,511 istilah, kedua Senarai Istilah Undang-Undang Antarabangsa 1982 yang telah dibincangkan dan disahkan dalam Sidang Ke-15 dan Ke-16 Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia mengandungi 2,230, ketiga Istilah Undang-Undang 1986 mengandungi 3,404 istilah, merupakan edisi semakan kepada buku pertama, dan edisi ini diterbitkan sekali lagi dalam tahun 1989 dengan mengekalkan kandungan asal edisi 1986.

Di peringkat luar Dewan Bahasa dan Pustaka pula, satu jawatankuasa istilah telah ditubuhkan pada 3 September 1981 yang dinamakan Jawatankuasa Istilah Seksyen Bahasa Kebangsaan oleh Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara. Fungsi jawatankuasa ini ialah untuk menentukan istilah-istilah yang pernah digunakan atau yang sudah tercipta atau dipersoalkan ketepatan dan kesesuaiannya atau disahihkan penggunaannya. Dasar yang dipegang ialah menggunakan istilah yang paling tepat dan sesuai bagi teks perundangan.

Selain itu, Majlis Peguam juga menubuhkan satu jawatankuasa kecil yang menangani masalah peristilahan dan istilah yang disahkan dan disebarluaskan kepada pengguna (Zainal Zakaria: 1989 :4). Di samping itu, Majlis Peguam juga mengadakan kelas-kelas bahasa Melayu untuk peguam dan pengamal undang-undang.

Puncak segala usaha ialah Daftar Istilah Undang-Undang oleh Bahagian Penyelidikan dan Sekretariat Bahasa Malaysia Mahkamah Agung (SBMMA) pada tahun 1990. Jelasnya usaha-usaha ke arah pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu mulai menampakkan hasil dan kegiatan ini masih lagi berterusan walaupun terdapat pelbagai masalah.

PERMASALAHAN DALAM PERISTILAHAN UNDANG-UNDANG BAHASA MELAYU

Hassan Ahmad (1982:6), telah menggariskan tiga jenis masalah yang terdapat dalam peristilahan undang-undang, iaitu pertama, masalah ketepatan istilah dan ungkapan undang-undang. Kedua, masalah gaya bahasa undang-undang yang dipengaruhi oleh gaya bahasa undang-undang di dalam bahasa Inggeris. Ketiga, masalah bahasa kebangsaan dalam peraturan dan perbicaraan di kalangan pengamal undang-undang. Bagi peristilahan, masalah yang berat ialah mencari istilah yang tepat dan masalah ketidakcukupan istilah bahasa Melayu. Penyelesaian bagi masalah-masalah ini perlulah diberi perhatian oleh semua pihak dan bukan hanya Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja.

Nik Safiah Karim (1991:8) pula mengatakan punca permasalahan dalam peristilahan undang-undang berumbi daripada hakikat bahawa undang-undang moden dibawa dari luar

dan tidak pernah diperkatakan dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, boleh dikatakan hampir tidak ada istilah bagi konsep undang-undang moden ini yang boleh digunakan dalam bahasa Melayu dan kita terpaksa meminjam konsep dan istilahnya sekali.

Zainol Zakaria (1989 : 3) melihat permasalahan ini daripada aspek kekeliruan yang timbul apabila istilah yang diterjemahkan tidak menepati maksud dalam bahasa asal. Beliau memberi contoh dalam satu kes yang dikendalikannya. Terdapat satu perkataan iaitu “silence” yang diterjemahkan sebagai pembisuan. Dalam konteks bahasa Inggeris ia bermaksud satu tanda penerimaan tetapi apabila diterjemahkan sebagai pembisuan dalam bahasa Melayu maka kita dapati makna juga sudah berubah daripada makna asal.

Laporan Kaji Selidik 1992 yang dilakukan oleh DBP mendapati bahawa istilah-istilah terbitan DBP masih mendatangkan masalah kepada golongan syariah, khususnya dari segi ketepatan makna. Ketepatan sesuatu istilah adalah penting kerana istilah-istilah yang diterbitkan oleh DBP meliputi istilah-istilah bidang keagamaan yang tidak mudah dibentuk. Hal ini kerana bahasa sumber istilah dalam bidang ini ialah bahasa Arab yang sukar dicari padanan yang tepat dalam bahasa Melayu misalnya nikmat dan nekmata yang membawa pengertian positif dan negatif.

Ibrahim Haji Ismail (1990:1) pula mendapati dalam kajiannya belum ada bukti istilah undang-undang yang dapat memenuhi keperluan pendidikan undang-undang dan istilah yang ada terlalu kecil jumlahnya dibandingkan dengan klasifikasi bidang undang-undang yang begitu besar.

Permasalahan seterusnya ialah mencari istilah yang sesuai dan tepat untuk mendokong konsep tertentu akibat kesukaran untuk menterjemahkan konsep asal, khususnya dalam Common Law kerana kebanyakan konsep undang-undang di dalamnya begitu asing kepada masyarakat Melayu. Konsep dan bahasa undang-undang mempunyai pengertian yang tersendiri kerana ia terbentuk daripada sejarah, tradisi dan budaya masyarakat yang menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan mereka (Faiza:1990:3).

Jelasnya, permasalahan yang dibentangkan di atas merupakan hambatan dalam pelaksanaan bahasa Melayu dalam bidang perundangan dan merupakan salah satu faktor yang membawa kepada peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Melayu.

PEMINJAMAN KATA DALAM PERISTILAHAN UNDANG-UNDANG BAHASA MELAYU

Bahasa Inggeris merupakan sumber utama pinjaman kata dalam peristilahan bahasa Melayu. Ironinya juga ialah bahasa Inggeris juga telah meminjam perkataan asing untuk membina dan mengembangkan bahasanya (Victoria Fromkin: 1978). Kajian oleh Heah (1989:316) memperlihatkan begitu banyak kemasukan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu sehingga menimbulkan kebimbangan yang beralasan kemungkinan bahasa Melayu akan bertukar wajah.

Berdasarkan analisis teks yang telah digunakan (tidak termasuk teks agama dan moral), purata peratus pinjaman yang berlaku lebih daripada 10 peratus. Jika dibandingkan dengan kajian-kajian yang pernah dibuat terhadap bahasa-bahasa lain, purata peminjaman kata ini dianggap tinggi. Kajian Heah ini membuktikan bahawa sumber peristilahan dalam bahasa Melayu, khususnya penghasilan kata pinjaman datangnya daripada bahasa Inggeris.

Salah satu cara membentuk atau mencipta istilah adalah melalui proses peminjaman, kata sama ada daripada kata bahasa asing atau daripada dialek bahasa itu sendiri. Peminjaman kata merupakan proses yang melibatkan penghasilan semula pola asal atau model bahasa pinjaman . Menurut Haugen (1950), ia melibatkan dua proses, iaitu pengimportan dan penggantian. Proses yang pertama berlaku apabila penghasilannya sama dengan model dan penutur asli menerima bentuk dalam bahasanya. Proses penggantian berlaku sekiranya penghasilan merupakan model yang tidak sempurna maka pada kebiasaannya penutur akan menggantinya dengan pola bahasa ibunda.

Proses pengimportan merupakan salah satu cara kemasukan unsur asing ke dalam bahasa Melayu, dan berdasarkan pemerhatian, penulis mendapati proses ini banyak berlaku

dalam peristilahan yang agak teknikal sifatnya seperti bidang Undang-Undang. Analisis yang dilakukan oleh penulis adalah berdasarkan petikan rambang sejumlah 1,006 istilah daripada 3,404 istilah terbitan DBP tahun 1986 menggunakan pendekatan perspektif formal. Tumpuan yang diberikan ialah bentuk kata pinjaman tulen. Kata pinjaman tulen merupakan pinjaman langsung daripada bahasa Inggeris dengan bentuk morfemik bahasa asing dan tidak ada penyatuan dengan unsur bahasa Melayu.

JENIS-JENIS KATA PINJAMAN TULEN DALAM PERISTILAHAN UNDANG-UNDANG

Daripada analisis yang telah dibuat, terdapat kira-kira tujuh jenis kata pinjaman tulen, iaitu kata pinjaman tulen tanpa asimilasi (16.5%), kata pinjaman tulen separuh asimilasi (25.3%), kata pinjaman tulen lengkap (3.9%), kata pinjaman tulen asimilasi ortografi (14.6%), kata pinjaman majmuk analisis (6.56%), kata pinjaman tulen majmuk cantum (0.09%), dan kata pinjaman tulen asing dipendekkan (0.09%).

Kata pinjaman tulen tidak diasimilasikan merupakan kata yang diambil secara keseluruhan atau *in toto*. Dalam penulisan istilah, model dalam bahasa asing dan replika dalam bahasa Melayu mempunyai bentuk dan makna yang sama. Bentuk ini mudah dikenal dalam penerbitan buku kerana secara ortografi ejaannya dicondangkan misalnya, *abstrain ad valorem*, *interim* dan *tort*.

Kata pinjaman separuh asimilasi pula mempunyai bentuk morfemik dengan sedikit penyesuaian ortografi misalnya gugusan konsonan muncul pada awal atau akhir kata (ciri ini tidak wujud pada kata Melayu), iaitu “fl” - konflik, “kr” - kredit dan sebagainya. Kumpulan istilah ini merupakan istilah yang baru dipinjam dan belum sehati atau menyesuaikan diri dari segi sebutan dan ejaan. Pengejaan istilah ini dilakukan dengan cara mengubah unsur yang perlu sahaja supaya bentuk ejaan asal masih terlihat. Hal ini memudahkan pengenalan istilah baru itu dibandingkan dengan istilah asal dalam bahasa sumber.

Kata pinjaman tulen asimilasi lengkap terhasil melalui penyesuaian ortografi dan tidak mudah untuk dikenal pasti asalnya, yakni model bahasa yang dipinjam. Hal ini berlaku kerana kata-kata tersebut telah lama diasimilasikan dalam budaya Melayu hingga tidak terasa keasingannya dengan lidah Melayu. Kata-kata ini sukar dikenal pasti kecuali seseorang itu mengetahui latar budaya dan sejarah yang membawa kepada pertembungan bahasa yang terlibat, sama ada bahasa Inggeris atau bahasa lain. Kata-kata begini misalnya, saman (summon), pencen (pension), lesen (licence), resit (receipt) dan sebagainya. Umumnya masih banyak kata daripada bahasa Inggeris dalam peristilahan undang-undang masih lagi dalam proses asimilasi sehinggalah masyarakat pengguna tidak lagi merasa janggal dengan bunyi asing tersebut.

Kata pinjaman tulen asimilasi ortografi merupakan kata-kata yang telah disesuaikan ejaannya dalam bahasa Melayu tetapi sebutannya masih lagi sama dengan bahasa asing tersebut, yakni bahasa Inggeris. Perbezaan yang jelas antara kata ini dengan bahasa sumbernya ialah bentuk ortografi. Hal ini berlaku kerana ortografi dalam bahasa Inggeris tidak fonemik berbanding bentuk ortografi bahasa Melayu yang fonemik misalnya, arbitrari (arbitrari), artikel (article), autoriti (authority) dan sebagainya.

Kata majmuk yang dipinjam disesuaikan dengan pola sintaktik dalam bahasa penerima yakni bahasa Melayu. Jelasnya asimilasi morfosintaktik berlaku dengan kata-kata daripada bahasa Inggeris disesuaikan sebagai satu unit analisis dan susunan morfosintaktiknya disesuaikan dengan sintak bahasa Melayu misalnya;

armistice convention - *konvensyen armistis*

capitulation treaty - *triti kapitulasi*

Kumpulan kata pinjaman tulen majmuk cantum merupakan kumpulan kata majmuk bahasa Inggeris yang diserapkan masuk ke dalam bahasa Melayu sebagai satu unit dan mengalami kehilangan identiti dwimorfemiknya. Bentuk ini biasanya berlaku secara spontan, misalnya lokap (lock-up).

Kata pinjaman tulen asing yang dipendekkan kemungkinan berlaku kerana bahasa Melayu merupakan bahasa yang mempunyai dwisuku kata. Biasanya kata yang mempunyai lebih daripada dua suku kata akan dipendekkan atau disusun semula misalnya prinsip (principle).

KESAN PEMINJAMAN KATA DALAM PERISTILAHAN UNDANG-UNDANG BAHASA MELAYU

Kesan yang paling ketara ialah kemasukan gugus konsonan ke dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu terdapat lima gabungan huruf konsonan, iaitu *gh*, *kh*, *ng*, *ny*, dan *sy*, yang masing-masing melambangkan satu bunyi konsonan. Namun demikian, dengan berlakunya peminjaman kata maka bertambah lagi gugus konsonan dalam bahasa Melayu, iaitu *gr* (*imigran*), *tr* (*triti*), *sp* (*spesifik*), *st* (*status*), *pr* (*repriief*), *pl* (*interplider*) dan *kr* (*prekripsi*).

Kesan seterusnya ialah pendedahan konsep baru dalam bidang undang-undang. Ruang kehidupan dan kegiatan sosiobudaya Melayu terikat kepada persekitaran tanah dan laut. Kemasukan kata pinjaman ini mendedahkan dunia Melayu kepada konsep baru yang lebih universal. Peminjaman terpaksa dilakukan kerana kegagalan pengguna mencari perkataan yang sesuai dalam bahasa Melayu untuk mendukung makna, konsep, idea, dan sifat baru yang sudah ada dalam bahasa asing.

Aspek tatabahasa penting dalam pembentukan kata, terutama sekali sistem pengimbuhan bahasa Melayu. Dalam hal ini, bahasa Melayu membenarkan kemasukan imbuhan asing ke dalam strukturnya dan bermakna juga peluasan ruang untuk tatabahasa Melayu. Dengan kesediaan bahasa Melayu menerima perubahan ini, maka istilah undang-undang bahasa Melayu dapat diterima sedikit demi sedikit tanpa menghilangkan makna asal, misalnya akhiran *-si* dalam obligation (obligation).

Kesan yang positif ialah memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu. Hal ini dapat mengatasi kekurangan istilah yang telah lama ditimbulkan oleh para pengamal undang-undang dan juga pengguna bahasa yang menolak bahasa Melayu atas alasan kekurangan kata

dalam bahasa Melayu yang menjadi hambatan kepada pelaksanaan bahasa Melayu di mahkamah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, peminjaman kata merupakan satu proses semula jadi dan perkembangannya juga boleh terancang dengan adanya badan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengawasi kemasukan unsur luar ke dalam bahasa Melayu. Pengguna bahasa Melayu tidak perlu gusar dengan kehadiran unsur asing ini. Kajian penulis memperlihatkan bahawa peminjaman kata telah membawa kesan yang positif, iaitu dari segi struktur, peminjaman telah memperkaya perbendaharaan kata, sistem morfologi dan fonologi bahasa Melayu. Manakala dari segi lain, penulis mendapati perkembangan ilmu khususnya bidang undang-undang semakin berkembang dengan adanya kata-kata baru yang menjadi lambang untuk mengungkapkan konsep baru dan peningkatan ilmu pengetahuan yang setaraf dengan ilmu antarabangsa demi menegakkan keadilan dalam kehidupan manusia.

BIBLIOGRAFI

- 1 Asmah Haji Omar. 1985. Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khas Kepada Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 2 Bloomfield.D. 1933. Language. London : George Allen and Unwin
- 3 Heah Lee Hsia. C.1989. The Influence of English on The Lexical Expansion of Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 4 Faiza Thamby Chik. 1990. Masalah Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah Agung. Kertas Kerja dalam Seminar Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah Agung. Kuala Lumpur.
- 5 Fromkin. V. 1978, An Introduction to Language. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- 6 Harimurti. Kridalaksana. 1983. Kamus Linguistik. Jakarta : Penerbit Gramedia.

- 7 Hassan Ahmad. Datuk. 1982. Perancangan dan Pelaksanaan Penerbitan Undang-Undang di Dalam Bahasa Malaysia. Kertas Kerja dalam Bengkel Penerbitan Undang-Undang Di Dalam Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur.
- 8 Haugen. E. 1950a. 'The Analysis of Linguistics Borrowing', dalam *Language*, Vol.26. Dicitak semula dalam *The Ecology of Language*, 1972. Stamford : University of Stamford Press.
- 9 Ibrahim Haji Ismail. 1990. Penggunaan Bahasa Malaysia di Fakulti Undang-Undang UKM. Kertas Kerja dalam Seminar Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah Agung. Kuala Lumpur.
- 10 Ismail Dahaman. 1971. Formula Asas Membentuk Istilah Bahasa Melayu. Cawangan Bahasa, Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan Bahasa. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 11 Istilah Undang-Undang. 1989. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka..
- 12 Laporan Kaji Selidik Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Bidang Undang-Undang. 1992. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 13 Lehmann. W.P. 1962. *Historical Linguistics : An Introduction*. New York :Rinchart and Winston.
- 14 Nik Safiah Karim. 1991. Bahasa Melayu Dalam Bidang Undang-Undang :Perspektif Linguistik. Kertas Kerja dalam Seminar Bahasa Melayu dan Undang-Undang. Kuala Lumpur.
- 15 Peguamcara Negara Malaysia. 1991. Pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan Dalam Bidang Perundangan. Kertas Kerja dalam Seminar Bahasa dan Undang-Undang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- 16 Ringbom. H. 1913. Borrowing and Lexical Transfer. Dalam *Applied Linguistics*.Vol.4. Hlm. 207-211.
- 17 Sapir. E. 1921. *Language*. New York. Harcourt & Brace World. Inc.
- 18 Weinreich. U. 1953. *Language In Contact*. The Hague. Mouton.
- 19 Zainol Zakaria. 1989. Peranan Majlis Peguam Dalam Pelaksanaan Bahasa Melayu Dalam Bidang Perundangan. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Undang- Undang Isu Bahasa dan Common Law. Kuala Lumpur.